

24/07/2004

Isu Taiwan gambarkan ketegasan Hsien Loong

By Prof Madya Dr Azmi Hassan

PERALIHAN pucuk pimpinan Republik Singapura daripada Goh Chok Tong kepada anak lelaki Lee Kuan Yew iaitu Lee Hsien Loong pada 12 Ogos ini, walaupun telah melalui jangka masa peralihan lebih sedekad lamanya, ia tidak begitu memeranjatkan kerana itulah yang telah direncanakan Kuan Yew apabila beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 1990.

Walaupun Chok Tong dilabel sebagai pemanas kerusi jawatan Perdana Menteri sementara menunggu Hsien Loong bersedia, hakikatnya beliau telah berjaya membawa Singapura mengharungi pelbagai cabaran ekonomi, terutama sekali ketika krisis ekonomi Asia 1997 dan masalah Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Kerajaan Singapura di bawah Chok Tong dilihat lebih terbuka dan nampak kesungguhan untuk memberi ruang kepada rakyat mereka supaya tidak takut memberi teguran kepada pemerintah. Rakyat Singapura nampaknya lebih selesa berada di bawah Chok Tong berbanding Kuan Yew yang lebih tegas dan tidak begitu memberi ruang terhadap kritikan.

Ramai yang tertanya-tanya apakah Hsien Loong akan mengamalkan corak pemerintahan sama seperti bapanya atau meneruskan saja apa yang telah dimulakan oleh Chok Tong. Bukan saja rakyat Singapura yang ternanti-nanti jawapannya, malah pemimpin serantau termasuk Malaysia juga menunggu dengan penuh minat.

Oleh kerana Singapura dan Malaysia mempunyai beberapa isu tertangguh yang perlu diselesaikan segera, terutama sekali isu penetapan harga air dan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor, maka adalah penting kita menela gaya kepemimpinan Hsien Loong sebelum rundingan dilakukan. Ini kerana apabila rundingan dimulakan adalah diharapkan penyelesaian segera dapat dicapai dan bukannya menangguhkan lagi ke masa depan.

Seperti Singapura menghargai kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dikatakan lebih bersifat mesra, begitu juga dengan Malaysia sudah tentu mengharapkan sesuatu yang positif dari Hsien Loong supaya masalah isu tertangguh dapat dicari kata sepakat.

Kemelut yang timbul ekoran lawatan Hsien Loong ke Taiwan baru-baru ini mampu memberi gambaran corak dan gaya pemerintahan beliau melalui beberapa tindakan yang diambil oleh Singapura selepas menerima kecaman dari China.

Seperti Malaysia, Singapura juga mengamalkan dasar 'Satu China' yang antara lain memberi pengiktirafan kepada kedudukan Taiwan sebagai sebahagian dari wilayah berdaulat China. Kebiasaannya, negara pengamal dasar ini tidak akan mengusik status-quo ini kerana masalah Taiwan-China dilihat sebagai keadaan retak menunggu belah.

Berbeza dengan persinggahan singkat di Taipei pada 1997 oleh Chok Tong dan juga Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana keadaan pada masa itu tidak begitu tegang disebabkan Presiden Taiwan, Lee Teng-hui tidak begitu cenderung kepada pengisytiharan kemerdekaan dari China.

Walaupun Kementerian Luar China telah mengeluarkan kenyataan tidak bersetuju dengan rancangan lawatan bakal Perdana Menteri Singapura itu, Hsien Loong tetap dengan keputusannya, dengan menggunakan alasan lawatan berbentuk peribadi dan tidak rasmi.

Penganalisis dapat menyelami mengapa Hsien Loong nampak semacam tergesa-gesa melakukan lawatan kerana beliau adalah bakal Perdana Menteri dan sebagai pemimpin tertinggi Singapura, adalah tidak diplomatik bagi beliau melakukan kunjungan ke Taiwan.

Tetapi penganalisis sukar memahami mengapa Hsien Loong tetap berkeras dengan keputusan membuat lawatan, walaupun setelah menerima bantahan dari China. Memang benar Taiwan dan Singapura mempunyai hubungan ekonomi dan ketenteraan yang besar kerana pada 2003 saja jumlah dagangan antara kedua-dua negara meningkat sehingga RM52 bilion. Melalui program yang dipanggil Operasi Hsing Kuang pula, Angkatan Tentera Singapura (SAF) mempunyai beberapa kemudahan latihan di pangkalan tentera Taiwan.

Tetapi, jika faktor ekonomi menjadi sandaran Hsien Loong maka sukar difahami kerana jumlah dagangan dengan China adalah lebih banyak sehingga mencapai RM82 bilion pada 2003. Begitu juga China telah mempelawa SAF menggunakan Pulau Hainan sebagai pangkalan latihan menggantikan apa yang ada di Taiwan.

Alasan yang dikemukakan Hsien Loong untuk menolak bantahan China ialah oleh kerana Singapura sebuah negara kecil, maka mereka perlu berdikari dalam membuat keputusan tanpa ditekan oleh mana-mana negara.

Dengan perkataan lain, tiada negara sama ada besar atau kecil yang boleh menentukan hala tuju dasar luar negara pimpinannya.

Hsien Loong telah mengambil satu keputusan yang penuh risiko kerana walaupun Singapura dianggap sebagai negara kecil, ia adalah sekutu kuat Amerika Syarikat (AS).

Perlu diingat bahawa ketegangan yang timbul antara Taiwan dengan China salah satunya berpunca daripada sokongan AS terhadap kerajaan Taiwan pimpinan Chen Shui-bian. Kerajaan Taiwan di bawah Chen paling tidak disenangi China kerana kepemimpinan ini lebih cenderung ke arah pengisytiharan kemerdekaan.

Keputusan itu penuh risiko kerana China sudah tentu akan mengambil tindakan balas dan bagi Taiwan pula mereka pasti akan mengambil kesempatan daripada lawatan Hsien Loong. China telah pun bertindak tetapi bentuk tindakan yang diambil tidak sekeras seperti yang dijangkakan ramai penganalisis.

Tindakan yang diambil setakat ini hanya membabitkan pembatalan lawatan peringkat pegawai atasan China yang dilihat sebagai tidak mampu mengancam ekonomi Singapura. Bahang paling panas yang mungkin dirasai oleh Singapura adalah pembatalan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang dijadualkan berlangsung pada November.

Ramai yang melihat Hsien Loong berjaya menangani episod lawatan beliau ke Taiwan dengan jayanya.

Walaupun berdepan dengan tekanan yang hebat dari China dan kemungkinan besar Kementerian Luar Singapura juga tidak bersetuju dengan lawatan itu, beliau tetap dengan keputusan asal yang penuh dengan risiko.

Alasan yang diberikan mengapa lawatan ke Taiwan perlu dilakukan adalah kerana ingin meningkatkan kedudukan Singapura pada peringkat antarabangsa nampaknya sedikit sebanyak telah berjaya kerana negara kecil itu berjaya menempelak satu kuasa besar iaitu China.

Walaupun episod ini belum berakhir, telah nampak gaya pimpinan Hsien Loong jauh berbeza dengan Chok Tong. Malah, besar kemungkinan akan menjadi lebih hebat daripada bapanya.

Apakah Malaysia akan menemui jalan buntu apabila berdepan dengan Singapura untuk menyelesaikan isu tertangguh, belum dapat dipastikan kerana titik permulaan rundingan belum lagi bermula.

Tetapi, jika diambil dengan apa yang telah berlaku ekoran lawatan Hsien Loong ke Taiwan, maka nampak gayanya pegawai Wisma Putra terpaksa berkerja lebih masa untuk menyediakan bahan rundingan sebelum perbincangan antara kedua-dua negara dapat dimulakan.

(END)